

AKHBAR : SINAR HARIAN  
HARI/TARIKH : 02.01.2014/KHAMIS

MUKA SURAT : 14  
RUANGAN : GENERAL NEWS

# Mahu rakyat amalkan gaya hidup sihat

**KUALALUMPUR** - Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr S Subramaniam mengajak rakyat Malaysia berazam mengamalkan gaya hidup lebih sihat pada 2014.

Beliau berkata, gaya hidup yang positif, terutama dalam kalangan orang muda mampu dipupuk menjadi amalan sehingga ke hari tua jika semua rakyat mempunyai azam dan komitmen yang kuat.

"Kita perlu menanam azam dan tekad di hati bahawa kita mahu hidup dengan lebih sihat supaya kita akan panjang umur di dalam keadaan sihat agar mampu menjaga ahli keluarga yang tersayang," katanya dalam perutusan sempena kedatangan tahun 2014.

Beliau juga meminta masyarakat Malaysia bersatu di bawah pimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak untuk mengatasi apa sahaja cabaran.

Subramaniam juga berkata, rakyat Malaysia seharusnya bersyukur kerana dapat menyambut tahun baharu dalam keadaan aman, penuh kemeriahan dan dalam suasana muhibah, tidak seperti di beberapa negara lain di dunia.

"Semoga tahun baharu ini akan diberkati dengan kejayaan bagi rakyat Malaysia, yang bersama-sama berusaha menggembleng tenaga ke arah sebuah negara yang sihat, produktif, aman dan makmur," katanya.



PALANIVEL

Sementara itu, Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Seri G Palanivel berharap penguatkuasaan dapat dipertingkatkan bagi membanteras aktiviti penyejudupan hidupan liar, pemburuan, pembukaan tanah dan pembalakan haram serta pem-

bakaran terbuka.

"Saya juga berharap agar semua jabatan di bawah kementerian dapat berganding bahu dalam menguatkuasakan peraturan dan undang-undang yang berkaitan dalam memastikan Cameron Highlands kekal sebagai pusat pelancongan tanah tinggi negara yang tersohor," katanya.

Bersempena Tahun Melawat Malaysia 2014, beliau menyeru jabatan di bawah kementerian yang terlibat dengan aktiviti ekopelancongan memastikan semua taman negara, taman laut, hutan lipur dan sebagainya dipelihara sebaik mungkin selaras usaha konservasi. - Bernama

AKHBAR : ORIENTAL DAILY NEWS  
HARI/TARIKH : 02.01.2014/KHAMIS

MUKA SURAT : 15  
RUANGAN : GENERAL NEWS

## DEPUTY HEALTH MINISTRY CALLS FIND OTHER WAY TO RELEASE DISSATISFACTION

### 副卫长吁正确管道宣示不满

(檳城1日讯)

卫生部副部长拿督斯里希尔米吁请人民不要只以一两件事，如物价上涨问题就来评价政府，相反的，应从整体表现去评价政府。

他今日在浮罗山背出席一项新学年援助活动后表示，政府一直以来非常努力减轻人民负担，如拟定不少津贴及援助，让人民受惠。

他说，政府逐步缩减津贴，虽被指是造成物价上涨的原因，但希望人民了解，这些津贴最终是用于提升人民

的生活，如卫生领域。

针对昨晚在独立广场进行的「反涨价集会」，他说，那些对现有政府存有不满的人士，应用正确管道宣示不满，如透过选举方式，而不是召开非法集会，制造社会混乱。

AKHBAR : HARIAN METRO  
HARI/TARIKH : 02.01.2014/KHAMIS

MUKA SURAT : 25  
RUANGAN : SETEMPAT

**MINTA** Kementerian Kesihatan  
Kluang sembur racun nyamuk di  
Taman Muhibbah dengan segera.  
» **MAJU78** [IMB22260]